

GOOGLE DRIVE

REVOLUSI CARA ANDA BEKERJA!

Drive

- + New
- Home
- Activity
- Workspaces
- My Drive
- Shared with me

GOOGLE DRIVE

Drive merupakan satu **ruang penyimpanan** digital secara dalam talian yang membolehkan pengguna Perkhidmatan MyGovUC **menyimpan, berkongsi** dan **berkolaborasi** pada fail dan dokumen daripada komputer atau peranti mudah alih.

MY DRIVE

Ruang utama pengguna Perkhidmatan MyGovUC yang mengandungi dokumen yang **dimiliki pengguna**. Pengguna dapat **berkongsi akses dan kebenaran dokumen** kepada pengguna lain jika dibenarkan.


SHARED WITH ME

Ruang khas dalam Google Drive yang memaparkan fail yang telah **dikongsi oleh pengguna lain** atau organisasi kepada pengguna. Akses pengguna kepada fail ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh pemilik atau editor lain.

PENGGUNAAN GOOGLE DRIVE


LOG MASUK DRIVE

- i Taipkan **https://drive.google.com/** di bahagian alamat dalam pelayar web atau pergi ke pilihan Google Apps dan pilih Drive
- ii Klik pada My Drive



TAMBAH DOKUMEN PADA MY DRIVE



- i Klik pada New
- ii Dokumen boleh ditambah melalui muat naik (*upload*)
- iii Dokumen juga boleh ditambah dengan membuat dokumen baharu ke dalam Drive



TECH TIP COLOR-CODE DOKUMEN PADA GOOGLE DRIVE

Penggunaan warna dokumen boleh digunakan bagi memudahkan penyusunan sekaligus menjadikan dokumen lebih menarik.


- i Klik pada dokumen yang ingin diubah warna
- ii Klik pada **Organize**
- iii Klik warna pilihan pada **Folder Color**
- iv Folder berwarna dipaparkan



FUNGSI YANG MENARIK DI DRIVE

STARRED

Pengguna boleh menanda fail atau dokumen yang ingin mereka asingkan bagi memudahkan pencarian.



PENAPISAN (FILTER)

Pengguna boleh menapis kategori fail yang ingin dicari. Kategori fail tersebut adalah **Type**, **People**, **Modified** dan **Location**.

